

Lanjutan daripada sebaran “*Amalan Terbaik Keselamatan ICT Sektor Awam Negeri*”, berikut adalah senarai amalan yang juga digalakkan untuk digunapakai. Senarai amalan ini akan ditambah dari masa ke semasa mengikut keperluan.

1. Penggunaan Aset IT milik Kerajaan Negeri

- a) Penggunaan sumber IT milik kerajaan seperti komputer dan *notebook* hanya boleh diakses oleh pengguna yang sah sahaja dan dengan tujuan rasmi dalam tugasannya.
- b) Instalasi permainan elektronik atau sebarang hiburan peribadi adalah dilarang sama sekali terutama dalam sumber IT milik kerajaan negeri.
- c) Penggunaan sistem-sistem lain secara peribadi adalah dibenarkan mengikut budi-bicara Ketua Bahagian masing-masing.

2. Instalasi Perisian

- a) Sebarang perisian yang perlu diinstal pada komputer perlu diperiksa terlebih dahulu dan diimbis oleh perisian antivirus.
- b) Penginstalan/pemasangan perisian-perisian peribadi ke dalam rangkaian sistem komputer adalah tidak digalakkan.
- c) Hanya perisian-perisian yang mempunyai lesen sahaja perlu diinstal.

3. Hak Cipta dan Perisian Cetak Rompak

- a) Ketua Jabatan/Bahagian di tempat kawasan masing-masing hendaklah memastikan pematuan kepada terma-terma yang terkandung dalam lesen perisian.
- b) Perisian cetak rompak yang sudah diinstal sebelum ini digalakkan untuk dihapus..
- c) Pastikan butiran lesen perisian daripada kemudahan fasiliti penyewaan melibatkan komputer/*notebook* hendaklah disimpan dan dikemaskini sebaik-baiknya untuk rujukan di masa akan datang.
- d) Penyalinan perisian-perisian selain dari tujuan untuk simpanan (*backup*) adalah dilarang sama sekali dan mungkin melanggar terma lesen perisian tersebut

4. e-Mel

- a) Setiap pengguna tidak digalakkan menyertai, mendorong atau mengajukan e-mel berupa rangkaian e-mel atau mempromosikan iklan yang tidak ada kaitan dengan Kerajaan Negeri.
- b) Setiap pengguna adalah dilarang mengajukan atau menyebarkan maklumat sulit berkenaan jabatan/kementerian mereka tanpa mendapat keizinan daripada ketua jabatan mereka.

5. Pencegahan Virus

- a) Penggunaan perisian anti-virus harus diinstal dalam komputer/*notebook* milik Kerajaan Negeri bagi mengawal dan seterusnya meminimakan ancaman serangan virus.
- b) Setiap perisian anti-virus harus dikemaskini setiap minggu dan enjin imbasannya dikemaskini sekurang-kurangnya sebulan sekali.
- c) Semua komputer/*notebook* mesti diimbis secara automatik setiap minggu. Imbasan automatik ini adalah melalui konfigurasi yang perlu dibuat pada perisian antivirus tersebut.
- d) Semua kejadian jangkitan virus mesti dicatat dan dianggap sebagai insiden sekuriti.
- e) Semua pengguna akan diberikan pendedahan tentang prosedur-prosedur menghapuskan jangkitan virus dari masa ke semasa.

6. Katarahsia (Password)

- a) Katarahsia MESTI :
 - Tidak dipaparkan apabila ditaip untuk memasuki sesuatu sistem tersebut atau apabila dipaparkan, hanya menunjukkan simbol '*'
 - Tidak dikongsi-sama dengan orang yang tidak sepatutnya mengetahui
 - Tidak ditulis pada kertas di mana orang yang tidak berkenaan dapat melihatnya
 - Sekurang-kurangnya ditukar setiap 90 hari. Lebih kerap kalau sistem aplikasi tersebut sangat sensitif
 - Sekurang-kurangnya berjumlah 8 aksara supaya kukuh dan sukar diteka
 - Sekurang-kurangnya campuran huruf dan nombor
 - Tidak mengandungi perkataan yang lazim digunakan
 - Bukan terdiri dari nama, akronim yang sangat umum diketahui, nama ringkasan, tarikh lahir, hari dan bulan yang terdapat dalam kalendar atau sebarang nombor telefon
 - Tidak sama sekali yang bersamaan dengan identiti login
 - Tukar dengan serta-merta apabila ada kemungkinan katarahsia telah diketahui orang lain
- b) Penguatkuasaan katarahsia ini sebaik-baiknya adalah melalui peraturan dalam polisi sistem tersebut.

Disediakan oleh:

Bahagian Keselamatan,
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri,
Tingkat 2, Blok B, Wisma Kewangan,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.

<http://www.jpkn.sabah.gov.my/bk/>

Aliran Perubahan

Versi	Tarikh Dibuat	Pengarang	Alasan Perubahan
Versi 1	6 September, 2010	BKS, JPKN	Draf pertama